

## PENGURUSAN PEROLEHAN: PERANAN KUALITI AUDIT DAN URUS TADBIR KORPORAT

NOR HAIZA ABD AZIZ  
*Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
Jabatan Audit Negara*

TAKIAH MOHD. ISKANDAR  
NORMAN MOHD SALEH  
*Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

*Kajian ini meneliti beberapa ciri tadbir urus korporat termasuk kebebasan lembaga pengarah, kemahiran pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit, pemilikan ekuiti pengurusan dan hubungannya dengan pengurusan perolehan. Kajian juga turut melihat peranan kualiti audit sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah penyederhana. Sampel kajian terdiri daripada 812 buah syarikat bagi tahun 2001 dan 868 buah syarikat tahun 2002 yang tersenarai di Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia. Dalam kajian ini, akruan boleh pilih merupakan pemboleh ubah bersandar. Teori agensi digunakan untuk menerangkan hubungan di antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian mendapati kebebasan lembaga pengarah mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan akruan boleh pilih. Hasil kajian ini juga menunjukkan hubungan negatif yang signifikan di antara kemahiran pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit dan akruan boleh pilih. Penemuan ini menunjukkan kebebasan lembaga pengarah dan kemahiran pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit merupakan faktor penting dalam membataskan kejadian pengurusan perolehan. Hasil analisis regrasi mendapati hubungan negatif yang signifikan di antara kualiti audit dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini adalah konsisten dengan teori yang menjelaskan pengauditan berkualiti tinggi dapat mengurangkan kos agensi yang wujud kesan daripada pemisahan di antara pemilikan dan pengurusan syarikat. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa mekanisma dalaman dan luaran tadbir urus korporat adalah sama penting bagi memperkukuhkan pengawalan sesebuah syarikat.*

**Kata kunci :** *Lembaga Pengarah Jawatankuasa Audit; Pemilikan ekuiti pengurusan; Kualiti Audit; Akruan Boleh Pilih.*

## ABSTRACT

*This study has investigated certain corporate governance characteristics, which include independence of board of directors, accounting skill and knowledge of audit committee, and managerial equity ownership, and the relationships between these characteristics and earnings management. In addition, this study has also examined the role of audit quality as an independent variable as well as a moderating variable. The sample consists of 812 and 868 companies that have been listed on both the First and Second Boards of Bursa Malaysia for the years 2001 and 2002, respectively. In this study, the dependent variable is the discretionary accruals. The agency theory is used to explain the relationships between variables. Results show that independence of board of directors has a significant relationship with discretionary accruals. It was also observed that there was a significant negative relationship between accounting skill and knowledge of audit committee, and discretionary accruals. These findings indicate that the board of directors' independence and audit committees' accounting skill and knowledge are important factors in curtailing earnings management practices. The results of a regression analysis also indicate that audit quality has a significant negative relationship with discretionary accruals. This finding is consistent with the theory which states that high quality audit reduces agency costs resulting from the separation between ownership and company management. Overall, results of this study provide an explanation for the importance of both internal and external mechanisms of corporate governance in strengthening the monitoring of the company.*

**Keywords:** Board of directors; audit committee; managerial equity ownership; audit quality; discretionary accruals.

## PENDAHULUAN

Amaun perolehan yang dilaporkan dalam penyata kewangan merupakan ukuran penting untuk membuat penilaian prestasi syarikat oleh pihak yang mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut. Oleh kerana perolehan mempengaruhi pelbagai keputusan kewangan pihak berkepentingan, pengurus syarikat meluangkan banyak masa dan tenaga menentukan perolehan tersebut (Wan Fazillah, 2000). Terdapat beberapa faktor yang mendorong pengurus syarikat campur tangan memanipulasikan perolehan yang dilaporkan antaranya ialah faktor mendapat keuntungan peribadi pengurus itu sendiri seperti memaksimumkan bonus dan meningkatkan harga saham (Schipper, 1989).

Pengurusan perolehan berlaku kerana piawaian perakaunan membenarkan pengurus memilih mana-mana kaedah perakaunan yang difikirkan sesuai daripada beberapa kaedah alternatif yang boleh digunakan. Kelonggaran ini membuka ruang kepada syarikat memanipulasikan perolehan melalui pengurusan perakaunan akruan. Contohnya, pengurus boleh menentukan pengiktirafan hasil jualan secara kredit sebelum tunai diperolehi (Teoh, Wong & Rao, 1998). Pengurus juga boleh memastikan syarikat sentiasa mendapat keuntungan di samping mencerminkan perolehan semasa sentiasa lebih tinggi daripada perolehan lepas (Burgstahler & Dichev, 1997).

Sejak kebelakangan ini, pengurusan perolehan terus meningkat (Levitt, 1998). Fenomena ini membimbangkan semua pihak khususnya yang mempunyai kepentingan dalam syarikat. Keadaan ini menyebabkan peranan juru audit luaran dalam kerangka kerja tadbir urus korporat menjadi semakin penting terutamanya untuk melindungi kepentingan pemegang saham. Tadbir urus korporat adalah mekanisme untuk memantau dan mengawal pengurusan agar bertindak cekap dan bersikap amanah, bertanggungjawab dan telus melalui pelaporan kewangan yang berkualiti. Pelaporan kewangan berkualiti dijangka dapat mengatasi masalah ketidaksamaan maklumat di antara pemegang saham dan pengurusan syarikat. Di Malaysia, ekoran krisis kewangan yang melanda Asia dalam tahun 1997, tadbir urus korporat mula mendapat perhatian. Pada Mac 1998, Jawatankuasa Kewangan Tadbir Urus Korporat telah dibentuk oleh Kementerian Kewangan. Pada Mac 2000 Kod Tadbir Urus Korporat dan Praktis Terbaik di Malaysia telah diterbitkan. Kod tersebut menggariskan panduan yang perlu dipatuhi oleh syarikat, meliputi aspek kebebasan, pengetahuan perakaunan dan kewangan para pengarah dan jawatankuasa audit serta pemilikan ekuiti para pengarah.

Amalan terbaik tadbir urus korporat ini dijangka dapat mengurangkan manipulasi perolehan dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti syarikat. Di samping itu, pelantikan firma audit yang memberi perkhidmatan berkualiti juga dijangka dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pemegang saham terhadap penyata kewangan yang disediakan oleh pengurus syarikat (Watts & Zimmerman, 1986).

Persoalan yang timbul ialah sejauh mana mekanisme tadbir urus korporat dapat membendung berlakunya pengurusan perolehan di Malaysia. Adakah kehadiran audit luaran dapat membantu lembaga pengarah memperkukuhkan mekanisme tadbir urus korporat? Setakat ini masih belum ada kajian yang melihat persoalan pengurusan perolehan bagi menguji keberkesanan tadbir urus korporat dan juru audit luaran. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan bukti

empirikal tentang keberkesanan tadbir urus korporat sebagai mekanisme dalaman dan kualiti audit sebagai mekanisme luaran dalam memantau pengurusan perolehan di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Secara spesifiknya, kajian ini meneliti hubungan di antara pengurusan perolehan dengan ciri-ciri tertentu tadbir urus korporat seperti kebebasan lembaga pengarah, pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit dan pemilikan ekuiti oleh pengurusan. Kajian ini berbeza daripada kajian lepas yang lain dari segi pengujian pengaruh kualiti audit terhadap hubungan yang dinyatakan. Dalam kajian ini, kualiti audit diuji tentang keupayaannya menyederhana hubungan di antara ciri tadbir urus korporat masing-masing dengan pengurusan perolehan. Setakat artikel ini ditulis, belum ada kajian lain yang melihat kualiti audit sebagai faktor penyederhana dalam penilaian keberkesanan tadbir urus korporat.

Artikel ini disusun seperti berikut. Bahagian kedua mengulas kerangkakerja teoritikal dan kajian lepas yang seterusnya digunakan dalam membentuk hipotesis kajian. Metodologi kajian diterangkan dalam bahagian ketiga, diikuti dengan bahagian empat yang membincangkan hasil kajian. Artikel ini dirumus dalam bahagian lima.

## **ULASAN KARYA LEPAS DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS**

Glautier (1997) berpendapat model teori agensi dapat menjelaskan kelakuan manusia dalam organisasi yang melibatkan hubungan di antara prinsipal dan agen. Prinsipal merupakan pemberi modal, penanggung risiko dan pembentuk insentif, manakala agen membuat keputusan bagi pihak prinsipal dan menanggung risiko keputusan tersebut. Pemisahan di antara prinsipal dan agen menimbulkan konflik yang didorong oleh insentif agen untuk memaksimumkan kekayaan peribadinya dan bukan untuk memaksimumkan kekayaan pemilik. Konflik ini mengakibatkan kekayaan pemilik menjadi kurang dan pengurangan ini merupakan kos agensi yang perlu ditanggung oleh pemilik (Jensen & Meckling, 1976). Oleh itu, pihak prinsipal perlu membuat pemantauan terhadap tingkah laku pihak pengurusan yang menimbulkan masalah. Jensen dan Meckling (1976) berpendapat kaedah pengawalan yang boleh dilakukan dengan melantik juru audit luaran, membentuk sistem kawalan rasmi, menghadkan belanjawan dan membentuk skim pampasan yang dapat memahami kepentingan pihak pengurusan dengan lebih dekat.

Kajian lepas oleh Klein (2002), Park dan Shin (2003) dan Xie, Davidson dan Dadalt (2003) mengetengahkan beberapa ciri utama tadbir urus

korporat yang dijangka memainkan penting dalam pengurusan perolehan. Ciri-ciri tersebut termasuk kebebasan lembaga pengarah, pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit, dan pemilikan ekuiti pengurusan.

### **Kebebasan Lembaga Pengarah**

Kajian lepas menunjukkan pengarah bebas bukan eksekutif dan pengarah bukan eksekutif masing-masing dapat membendung kejadian pengurusan perolehan (Beasley & Mark, 1996; Klein, 2002; Xie *et al.*, 2003). Walau bagaimanapun, kajian oleh Park dan Shin (2003) mendapati hanya pengarah bukan eksekutif daripada institusi kewangan sahaja yang dapat membataskan kejadian pengurusan perolehan. Namun begitu, penemuan keupayaan pengarah bebas bukan eksekutif dan pengarah eksekutif memantau pengurusan perolehan tersebut telah disokong oleh kajian di Kanada yang mendapati amalan tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor ((Klein 2002; Xie *et al.* 2003). Dalam kajian ini peratusan pengarah bebas yang lebih tinggi dalam jawatankuasa audit dibuktikan dapat mengurangkan akruan boleh pilih<sup>1</sup>.

Kehadiran pengarah luar yang bebas membolehkan pendedahan maklumat syarikat lebih telus. Peningkatan ketelusan ini dicapai kerana pengarah luar yang bebas dapat melaksanakan tugas pemantauan dengan lebih objektif dan mengutamakan kepentingan pemilik syarikat dan pihak lain. Semakin besar peratusan pengarah bebas, semakin berkesan usaha pengarah syarikat mengawal dan menghadkan manipulasi perolehan (Fama & Jensen, 1983). Kajian lepas juga mendapati kebebasan pengarah luar mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan akruan boleh pilih (Klein 2002; Xie *et al.* 2003) dan pelaporan yang tidak benar (Beasley, 1996). Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kebebasan lembaga pengarah amalan pengurusan perolehan melalui akruan boleh pilih dijangka menjadi lebih rendah.

Berasaskan perbincangan dapat disimpulkan bahawa pengarah luar yang bebas akan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah dengan lebih baik dan berkesan bagi memastikan kepentingan pemegang saham dijaga. Oleh yang demikian, kehadiran pengarah bebas dalam lembaga pengarah dijangka membolehkan pendapat dan keputusan yang diambil menjadi lebih bijaksana dan tidak dipengaruhi oleh pihak pengurusan syarikat. Berasaskan perbincangan, maka hipotesis seperti berikut dibentuk.

H<sub>1</sub>: Kebebasan lembaga pengarah mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih.

### **Pengetahuan Perakaunan dan Kewangan Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Blue Ribbons berpendapat pengetahuan perakaunan dan kewangan penting bagi mengurangkan amalan pengurusan perolehan selain membolehkan pengarah yang menganggotai jawatankuasa audit memahami amalan manipulasi perolehan dengan lebih baik. Oleh yang demikian, jawatankuasa audit seperti itu dapat berfungsi dengan lebih baik bagi menyelia pelaporan kewangan syarikat. Pendapat ini disokong oleh Kalbers dan Forgarty (1993) yang mendapati jawatankuasa audit tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan sekiranya kurang pengetahuan tentang perakaunan dan kewangan. Kehadiran ahli yang mempunyai pengetahuan perakaunan dan kewangan dalam jawatankuasa audit juga didapati mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih (Xie *et al.* 2003).

Sehubungan itu, Kod Tadbir Urus Korporat menetapkan setiap jawatankuasa audit perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli yang merupakan akauntan bertauliah. Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia mencadangkan agar jawatankuasa audit mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli yang berdaftar dengan badan profesional tempatan iaitu *Malaysian Institute of Accountants* (MIA), atau mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman selepas lulus peperiksaan profesional dan menjadi ahli sebuah badan profesional yang diiktiraf (Shamser & Zulkarnain, 2001). Keahlian seorang akauntan bertauliah dalam jawatankuasa tersebut membolehkannya menjalankan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan. Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan dan pengauditan juga membantu jawatankuasa audit memastikan syarikat mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berdasarkan perbincangan, hipotesis yang akan diuji dinyatakan seperti berikut.

H<sub>2</sub>: Kemahiran perakaunan ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih.

### **Pemilikan Ekuiti Pengurusan**

Pemilikan pengurusan merupakan mekanisme kawalan dalaman yang dapat mengurangkan kos agensi daripada pemisahan pemegang saham dan pihak pengurusan (Dhaliwal, Salamon & Smith, 1982; Warfield, Wild & Wild, 1995; Gul, Lyn & Tsui, 2001). Namun begitu, kajian Koh (2003) dan Klein (2002) mendapati hubungan yang tidak signifikan di antara pemilikan pengurusan dengan akruan boleh pilih.

Kajian oleh Chung, Firth dan Kim (2002) dan Koh (2003) pula mendapati pemilikan institusi jangka panjang dapat mengurangkan tahap akruan boleh pilih sama ada secara langsung dan tidak langsung.

Kos agensi yang wujud akibat daripada pemisahan antara pemilik dan pengurusan boleh dikurangkan apabila kepentingan pemilikan pengurus meningkat. Syarikat yang mempunyai pemilikan pengurusan berusaha memaksimumkan kekayaan pemegang saham kerana kekayaan mereka sebagai pemilik dimaksimumkan Jensen dan Meckling (1976). Kajian oleh Warfield *et al.* (1995) turut menyokong penemuan ini dan mendapati hubungan negatif yang signifikan antara pemilikan pengurusan dan akruan boleh pilih. Penemuan ini menyokong pendapat bahawa pemilikan pengurusan merupakan mekanisme kawalan kos agensi yang dapat mendisiplinkan kelakuan pengurus syarikat (Jensen & Meckling, 1976).

Kajian ini menjangkakan apabila pengarah memegang ekuiti syarikat, kecenderungan untuk memanipulasi perolehan akan berkurangan. Pegangan ekuiti yang tinggi juga mendorong pengarah mendedahkan lebih banyak maklumat mengenai syarikat dan memastikan maklumat yang dilaporkan kepada pemegang saham adalah benar. Pelaporan penyata kewangan yang berkualiti perlu bagi menjaga kepentingan pelaburan pemegang saham agar mereka kekal melabur dalam syarikat tersebut. Berasaskan perbincangan, maka hipotesis seperti berikut dibentuk.

H<sub>3</sub>: Pemilikan pengurusan mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih.

### **Kualiti Audit**

Pengauditan merupakan salah satu mekanisme kawalan yang digunakan oleh syarikat bagi menangani masalah agensi (Jensen & Meckling 1976; Watts & Zimmerman 1986). Melalui pengauditan, manipulasi laporan maklumat perakaunan dapat dikurangkan. Juru audit lebih sensitif tentang pengurusan perolehan dan cuba sedaya upaya untuk menghalang manipulasi perolehan tersebut (Hirst 1994). Walau bagaimanapun, nilai pengauditan setiap firma adalah berubah-ubah bergantung kepada kualiti firma audit tersebut. Kualiti audit ditakrifkan sebagai kebarangkalian juru audit menemui kecuaiian dan penipuan dalam sistem perakaunan pelanggan dan melaporkan penipuan tersebut (DeAngelo 1981).

Dalam kajian lepas, firma audit besar (*Big 8*, *Big 6* atau *Big 5*) kerap digunakan sebagai proksi kualiti audit (DeAngelo 1981; Davidson &

Neu 1993; Becker, Defonel, Jiambalvo dan Subvomanyam 1998; Francis, Maydow dan Sparks 1999; Gul *et al.* 2001). Pelanggan firma bukan *Big 6* melaporkan akruan boleh pilih lebih tinggi berbanding akruan boleh pilih pelanggan firma audit *Big 6* secara purata sebanyak 1.5% dan 2.15% daripada jumlah aset (Becker *et al.* 1998). Penemuan ini disokong oleh Francis *et al.* (1999) yang mendapati pelanggan firma audit *Big 6* mempunyai amaun akruan boleh pilih yang lebih rendah berbanding amaun akruan boleh pilih pelanggan firma audit bukan *Big 6*, walaupun firma audit *Big 6* mempunyai jumlah akruan yang lebih besar.

Kajian ini menjangkakan wujud perbezaan kualiti audit di antara firma audit *Big 5* dengan firma bukan *Big 5* dalam perkhidmatan pengauditan. Firma audit *Big 5* lebih mampu memberikan perkhidmatan pengauditan yang berkualiti kerana firma tersebut mempunyai sumber yang lebih besar bagi melatih kakitangan agar lebih mahir berbanding dengan firma bukan *Big 5*. Kemahiran dan penggunaan teknologi yang terkini ini akan menyumbang kepada perkhidmatan audit yang lebih berkualiti. Sehubungan itu, hipotesis seterusnya dibentuk.

H<sub>4</sub>: Kualiti audit mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih.

### **Kesan Kualiti Audit sebagai Pemboleh Ubah Penyederhana**

Kewujudan kualiti audit sebagai mekanisme kawalan mempengaruhi hubungan antara kebebasan lembaga pengarah dengan kemahiran perakaunan jawatankuasa audit masing-masing dengan akruan boleh pilih (Gul *et al.* 2001). Kajian lepas mendapati kebebasan lembaga pengarah mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih (Klein 2002). Pengauditan oleh firma audit *Big 5* dijangka akan melemahkan hubungan tersebut.

Dengan kata lain, hubungan antara kebebasan dan kemahiran lembaga pengarah masing-masing dengan akruan boleh pilih adalah lebih kukuh bagi firma yang tidak diaudit oleh firma *Big 5*. Ini kerana kawalan oleh lembaga pengarah yang bebas dan berkemahiran menjadi lebih penting apabila syarikat tidak diaudit oleh firma audit yang berkualiti (*Big 5*) berbanding dengan syarikat yang diaudit oleh firma audit daripada kumpulan *Big 5*. Ciri yang baik dalam lembaga pengarah atau jawatankuasa audit menjadi begitu penting bagi syarikat yang telah diaudit oleh juru audit daripada firma *Big 5*, berbanding dengan syarikat yang diaudit oleh juru audit daripada firma audit



yang lebih kecil. Berdasarkan perbincangan ini, hipotesis berikut dibentuk.

- H<sub>5</sub>: Hubungan negatif antara kebebasan pengarah dan akruan boleh pilih adalah lebih kukuh bagi syarikat yang di audit oleh firma bukan-*Big 5* berbanding dengan syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5*.
- H<sub>6</sub>: Hubungan negatif antara pengetahuan perakaunan dan kewangan ahli jawatankuasa audit dan akruan boleh pilih adalah lebih kukuh bagi syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5* berbanding dengan syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5*.
- H<sub>7</sub>: Hubungan negatif antara pemilikan pengurusan dan akruan boleh pilih adalah lebih kukuh bagi syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5* berbanding dengan syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5*.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk rentas industri bagi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia tahun 2001 dan 2002. Ianya menguji hubungan beberapa pemboleh ubah tadbir urus korporat termasuk kebebasan lembaga pengarah, pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit, pemilikan ekuiti oleh pengurus dan kualiti audit dengan pengurusan perolehan.

### Pengoperasian Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah bersandar kajian ini adalah pengurusan perolehan yang diukur dengan akruan boleh pilih berasaskan model Jones (1991). Model Jones (1991) secara keratan rentas ini dipilih kerana ia mampu mengesan akruan boleh pilih dengan amat baik (Bartov, Gul & Tsui 2001). Berasaskan model tersebut, persamaan regrasi digunakan bagi mendapatkan nilai akruan tidak boleh pilih. Parameter  $\alpha$ ,  $\beta_1$ ,  $\beta_2$  dianggarkan daripada model yang dibentuk bagi setiap industri dan masing-masing menerangkan hubungan di antara jumlah aset tahun sebelumnya, perubahan hasil dan jumlah aset tetap.

$$JA_{ijt} / A_{ijt-1} = \alpha_{jt} [1 / A_{ijt-1}] + \beta_{1jt} [\Delta HASIL_{ijt} / A_{ijt-1}] + \beta_{2jt} [HPK_{ijt} / A_{ijt-1}] + \epsilon_{ijt} \quad ..(1)$$

di mana:

- $JA_{ijt}$  = Jumlah akruan tahun  $t$  bagi firma  $i$  dalam industri  $j$ ;  
 $\Delta HASIL_{ijt}$  = Perubahan pendapatan tahun  $t$  dalam bagi firma  $i$  dalam industri  $j$ ;  
 $HPK_{ijt}$  = Hartanah, peralatan dan kelengkapan tahun  $t$  bagi firma  $i$  dalam industri  $j$ ;  
 $A_{ijt-1}$  = Jumlah aset dalam tahun  $t-1$  bagi firma  $i$  dalam industri  $j$ ;  
 $\epsilon_{ijt}$  = Ralat dalam tahun  $t$  bagi firma  $i$  dalam industri  $j$ ;

Jumlah akruan ialah pendapatan bersih sebelum item luar biasa ditolak aliran tunai daripada aktiviti operasi (DeFond & Subramanyam, 1998; Becker *et al.*, 1998; Klein, 2002). ABP ditakrifkan sebagai ralat ( $\epsilon_{ijt}$ ) daripada persamaan tersebut. Ini kerana model jangkaan Jones (1991) memberikan hubungan normal antara jumlah akruan dengan perubahan prestasi perolehan ( $\Delta HASIL$ ) serta nilai aset boleh susut nilai (HPK). Jumlah akruan yang lebih tinggi atau lebih rendah daripada amaun dijangkakan dianggap sebagai akruan boleh pilih.

### **Pemboleh Ubah Tidak Bersandar**

Empat pemboleh ubah tidak bersandar kajian adalah kebebasan lembaga pengarah, pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit, pemilikan ekuiti pengurusan dan kualiti juru audit luaran. Setiap pemboleh ubah ini seterusnya dibincangkan dalam bahagian ini.

*Kebebasan Lembaga Pengarah.* Kebebasan lembaga pengarah diukur berasaskan peratusan pengarah bebas bukan eksekutif dalam lembaga pengarah. Semakin tinggi peratusan pengarah bebas menggambarkan lembaga pengarah yang semakin bebas dan telus.

*Pengetahuan Perakaunan dan Kewangan Jawatankuasa Audit.* Pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit diukur berasaskan keanggotaan sekurang-kurangnya seorang akauntan bertauliah sebagai ahli jawatankuasa tersebut. Pemboleh ubah patung digunakan, dengan diberi skor 1 sekiranya jawatankuasa audit mempunyai sekurang-kurangnya seorang akauntan bertauliah, dan skor 0 sekiranya tiada. Akauntan bertauliah digunakan sebagai proksi kemahiran perakaunan dan kewangan kerana ia merupakan pengiktirafan profesional kepada profesion perakaunan.

*Pemilikan Ekuiti Pengurusan.* Pemilikan ekuiti pengurusan ditentukan berasaskan peratusan jumlah ekuiti yang dimiliki secara langsung oleh

pengurusan syarikat. Pemegangan ekuiti syarikat yang kurang pelbagai mengurangkan kebarangkalian berlaku konflik di antara prinsipal dengan agen.

*Kualiti audit.* Kajian ini menggunakan saiz firma audit iaitu *Big 5* dan bukan *Big 5* sebagai proksi kualiti audit. Skor 1 bagi syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big 5* dan skor 0 bagi syarikat yang diaudit oleh firma audit bukan *Big 5*.

### **Pemboleh Ubah Penyederhana**

Di samping menjadi pemboleh ubah bebas, kualiti audit juga bertindak sebagai pemboleh ubah penyederhana yang dijangka mempengaruhi hubungan di antara mekanisme kawalan kos agensi dalaman dan akruan boleh pilih. Kesan pemboleh ubah penyederhana dapat dilihat daripada koefisien hasil darab pemboleh ubah ini dengan pemboleh ubah bebas yang lain.

### **Pemboleh Ubah Kawalan**

Enam pemboleh ubah kawalan dalam kajian ini adalah aliran tunai aktiviti operasi, nisbah nilai pasaran terhadap nilai buku saham diterbitkan, saiz, keumpulan, pulangan aset dan jenis industri. Pemboleh ubah ini dikawal kerana kajian lepas mendapati pemboleh ubah tersebut masing-masing mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengurusan perolehan. Contohnya, pengurusan perolehan berhubung secara positif dengan aliran tunai (Dechow, Sloan & Sweney 1995; Becker *et al.* 1998; Yoon & Miller 2002), nisbah nilai pasaran terhadap nilai buku saham diterbitkan (Bartov *et al.* 2001), keumpulan (DeFond & Jiambalvo 1994; Dechow *et al.* 1995; Warfield *et al.* 1995; Becker *et al.* 1998; Francis *et al.* 1999; Bartov *et al.* 2001), dan pulangan ke atas aset (Bartov *et al.* 2001; Klein 2002). Akruan boleh pilih juga didapati berhubung secara negatif dengan saiz firma (DeFond & Jiambalvo 1994; Warfield *et al.* 1995; Becker *et al.* 1998; Bartov *et al.* 2001). Oleh kerana akruan ini juga ditentukan berdasarkan industri, pemboleh ubah industri dimasukkan (Johl, Houghton & Jubb 2003). Pemilikan nomini merupakan ciri unik struktur pemilikan syarikat di Malaysia. Pemilikan nomini juga didapati mempengaruhi akruan boleh pilih (Takiah & Aini 2002), maka ia dijadikan sebagai pemboleh ubah kawalan.

Hubungan antara pemboleh ubah kajian dijelaskan dalam model regresi seperti berikut;

$$\begin{aligned}
ABP_{it} = & \beta_0 + \beta_1 ALIRAN\ TUNAI_{it} + \beta_2 NILAI\ PASARAN_{it} + \\
& \beta_3 SAIZ_{it} + \beta_4 KEUMPILAN_{it} + \beta_5 PULANGAN\ ASET_{it} + \\
& \beta_6 PENGGUNA_{it} + \beta_7 B/USAHA_{it} + \beta_8 HARTANAH_{it} + \\
& \beta_9 NOMINI + \beta_{10} KEBEBASAN_{it} + \beta_{12} KEMAHIRAN_{it} + \\
& \beta_{14} PENGURUSAN_{it} + \beta_{16} AUDIT_{it} + \beta_{11} AUDIT_{it} * KEBEBASAN_{it} \\
& + \beta_{13} AUDIT_{it} * KEMAHIRAN_{it} + \beta_{15} AUDIT_{it} \\
& * PENGURUSAN_{it} + \dots \quad (2)
\end{aligned}$$

di mana:

ABP	=	Akruan boleh pilih
AUDIT	=	Firma 'Big 5' dinilakan 1, firma bukan 'Big 5' dinilakan 0
ALIRAN TUNAI	=	Aliran tunai daripada aktiviti operasi
NILAI PASARAN	=	Nisbah nilai pasaran kepada nilai buku saham diterbitkan
SAIZ	=	'Natural logarithm' jumlah aset bagi firma i dalam tahun t
KEUMPILAN	=	Nisbah hutang per jumlah aset bagi firma i dalam tahun t
PULANGAN ASET	=	Perbezaan untung tahun t dan tahun t-1 dibahagi jumlah aset
KEBEBASAN	=	Kebebasan lembaga pengarah
KEMAHIRAN	=	Kemahiran perakaunan, kewangan jawatankuasa audit
PENGURUSAN	=	Pemilikan pengurusan
PENGGUNA	=	Industri pengguna dan khidmat dagang dikodkan 1, Industri lain dikodkan 0
B/USAHA	=	Industri barang usaha dikodkan 1, industri lain dikodkan 0
HARTANAH	=	Industri pembinaan dan hartanah dikodkan 1, industri lain dikodkan 0

## ANALISIS DATA

### Sampel

Sampel kajian terdiri daripada syarikat yang tersenarai di papan utama dan papan kedua Bursa Malaysia daripada semua industri, kecuali industri kewangan dan industri lain yang berperaturan seperti insurans. Industri kewangan dikeluarkan daripada rangka persampelan kerana ia tertakluk kepada beberapa peraturan dan garis panduan Bank Negara melalui Akta Institusi Perbankan dan Kewangan

1989. Syarikat industri lain yang berperaturan juga dikeluarkan daripada sampel kerana peraturan terhadap industri tersebut mewujudkan insentif lain untuk mengurus perolehan dengan cara yang berbeza daripada syarikat yang tidak tertakluk kepada peraturan seperti itu (Becker *et al.* 1998).

Data diambil daripada laporan tahunan syarikat terpilih yang disimpan di perpustakaan Bursa Malaysia, Buku Panduan Bursa Malaysia dan *Investors Digest*. Tempoh kajian ini adalah tiga tahun selepas kod peraturan urus tadbir korporat lulus dan diterbitkan. Syarikat yang tidak mempunyai maklumat lengkap, tidak menyimpan laporan tahunan di Bursa Malaysia, menukar tarikh akhir tahun kewangan atau menukar firma audit dikeluarkan daripada sampel kajian.

Sebanyak 812 buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia tahun 2001 dan 868 tahun 2002 dipilih sebagai sampel yang keseluruhannya menghasilkan sebanyak 1,680 syarikat-tahun. Walau bagaimanapun, selepas penapisan data seperti yang dinyatakan hanya 1,087 buah syarikat-tahun terpilih sebagai sampel. Jadual 1 memperincikan sampel kajian.

**Jadual 1**  
Sampel Kajian

Maklumat Sampel	Bilangan Kes
Bilangan Syarikat Terpilih Bagi Tahun 2001 dan 2002	1,397
Tolak: Tiada laporan tahunan dan maklumat tidak lengkap	265
Tolak: Syarikat menukar firma audit	31
Tolak: Syarikat menukar tarikh akhir tahun kewangan	14
Jumlah sampel boleh guna	1,087

### Analisis Deskriptif

Jadual 2 menunjukkan syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* mempunyai nilai min log jumlah aset, aliran tunai dan keuntungan yang lebih besar berbanding nilai min log syarikat yang tidak diaudit oleh firma *Big 5*. Hasil kajian ini mencadangkan syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* secara puratanya lebih besar dan mencatat keuntungan yang lebih tinggi berbanding syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5* selaras dengan Takiah, Ruhanita dan Aini (2000). Median log jumlah aset syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* adalah 19.36 berbanding median log jumlah aset syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5*. Perbezaan ini signifikan berasaskan ujian t (t statistik = 3.243,  $p=0.001$ ). Median keuntungan bagi syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* pula adalah 3.98% daripada jumlah aset berbanding 2.8%

daripada jumlah aset bagi syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5*. Manakala median aliran tunai daripada aktiviti operasi bagi syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* adalah 4.8% daripada jumlah aset, berbanding 3.9% daripada jumlah aset bagi syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5*. Perbezaan ini juga signifikan ( $t$ -statistik = -3.371,  $p = 0.001$ ).

Analisis korelasi dilakukan untuk menguji hubungan bivariat antara semua pemboleh ubah sama ada nominal atau berterusan. Ujian ini penting untuk melihat sama ada wujud atau tidak masalah multikolineariti terutamanya dengan koefisien korelasi melebihi 0.80 (Cooper & Schindler 2001). Di samping itu, penelitian dibuat terhadap *Variance Inflation Factors* yang merupakan pertunjuk masalah multikolineariti. Jadual 3 menunjukkan nilai korelasi antara pemboleh ubah kajian adalah di antara 0.004 (korelasi kualiti audit dan nisbah keumpulan) hingga -0.371 (korelasi aliran tunai dan akruan boleh pilih). Hasil analisis ini menunjukkan bahawa semakin tinggi aliran tunai firma, semakin kurang berlaku akruan boleh pilih. Kajian juga mendapati wujud korelasi di antara saiz dan pemilikan nomini dengan nilai koefisien Pearson 0.223. Penemuan ini menunjukkan bahawa, secara purata, semakin besar saiz firma semakin besar pemilikan nomini dalam syarikat.

### **Analisis Regresi**

Hasil analisis regresi dalam Jadual 4 menunjukkan  $R^2$  terlaras yang signifikan ( $p=0.000$ ) bernilai 0.296. Hasil analisis menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar dalam model tersebut berjaya menerangkan 29.6% perubahan akruan boleh pilih sebagai pemboleh ubah bersandar.

#### *Hubungan Kebebasan Lembaga Pengarah dengan Akruan Boleh Pilih*

Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kebebasan lembaga pengarah dan akruan boleh pilih (koefisien -0.056,  $p < 0.05$ ). Hasil analisis ini menunjukkan semakin tinggi kebebasan lembaga pengarah, semakin kurang tahap akruan boleh pilih. Penemuan ini menyokong H1 dan konsisten dengan penemuan kajian Klein (2002) dan Xie *et al.* (2003). Manakala, Norman, Takiah dan Mohd Mohid (2005) mendapati hubungan yang tidak signifikan di antara kebebasan lembaga pengarah dan akruan boleh pilih. Kajian tersebut menggunakan data peratusan pengarah bebas yang lebih rendah berasaskan data kajian yang diambil dalam tahun pertama Kod Tadbir Urus Korporat dilaksanakan di Malaysia. Kajian tersebut dipercayai kurang mencerminkan keadaan yang sewajarnya.

**Jadual 2**  
Analisis Deskriptif

Pemboleh ubah <sup>a</sup>	Semua syarikat (N=1,087)				Syarikat diaudit 'Big-5' (N=771)				Syarikat diaudit bukan 'Big-5' (N=316)				Ujian t
	min	median	sisihan piawai	min	median	sisihan piawai	min	median	sisihan	median	sisihan	t-statistik	
ABP	0.0002	0.0004	0.0846	0.0021	0.0020	0.0835	-0.0045	-0.0024	0.0871	-1.157	0.247		
ALIRAN TUNAI	0.0457	0.0447	0.0865	0.0515	0.0480	0.0769	0.0346	0.0386	0.0707	-3.371	0.001		
NILAI PASARAN	1.8695	1.5100	1.3979	1.9229	1.5700	1.3947	1.7393	1.2950	1.3992	1.969	0.049		
SAIZ	19.5469	19.2599	1.3524	19.6317	19.3603	1.3764	19.3400	19.1528	1.2705	3.243	0.001		
KEUMPILAN	0.0535	0.0368	0.0611	0.0537	0.0398	0.0601	0.0531	0.0269	0.0636	1.015	0.310		
PULANGAN ASET	0.0002	0.0002	0.0728	0.0017	0.0009	0.0741	-0.0024	-0.0003	0.0733	-1.204	0.229		
NOMINI	0.2965	0.2732	0.2095	0.3032	0.2795	0.2100	0.2804	0.2510	0.2074	1.628	0.104		
KEBEBASAN	0.3935	0.3950	0.1057	0.3923	0.3923	0.1020	0.3996	0.3951	0.1142	-0.569	0.570		
KEMAHIRAN	1.0856	1.0000	0.2798	1.0817	1.0000	0.2741	1.0949	1.0000	0.2936	-0.707	0.480		
PENGURUSAN	0.1121	0.0299	0.1640	0.1086	0.0250	0.1663	0.1206	0.0468	0.1582	-1.096	0.273		

Nota:

<sup>a</sup>ABP

Akruan boleh pilih

Aliran tunai daripada aktiviti operasi

Nisbah nilai pasaran kepada nilai buku saham diterbitkan

'Natural logarithm' jumlah aset bagi firma *i* dalam tahun *t*

Nisbah hutang per jumlah aset bagi firma *i* dalam tahun *t*

Perbezaan untung tahun *t* dan tahun *t-1* dibahagi jumlah aset

Kebebasan lembaga pengarah

Kemahiran perakaunan, kewangan jawatankuasa audit

Pemilikan pengurusan

NOMINI

Firma 'Big 5' dinilaiikan1, firma bukan 'Big 5' dinilaiikan0

AUDIT

**Jadual 3**  
Analisis Korelasi Pearson

Pemboleh ubah <sup>a</sup>	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
1 ABP	1.000	-0.371	0.181	-0.018	0.042	0.270	-0.038	-0.060	-0.020	-0.006	0.035
2 ALIRAN TUNAI		1.000	0.213	0.063	-0.084	0.038	-0.085	-0.048	0.035	-0.099	0.102
3 NILAI PASARAN			1.000	0.157	-0.082	0.069	-0.011	-0.050	-0.145	0.011	0.060
4 SAIZ				1.000	0.132	0.028	0.011	0.012	-0.207	0.223	0.084
5 KEUMPILAN					1.000	0.017	0.028	-0.006	0.075	0.112	0.004
6 PULANGAN ASET						1.000	0.021	-0.022	-0.028	0.028	0.033
7 KEBEBASAN							1.000	0.070	-0.042	0.002	-0.017
8 KEMAHIRAN								1.000	-0.073	0.008	-0.021
9 PENGURUSAN									1.000	-0.008	-0.033
10 NOMINI										1.000	0.049
11 AUDIT											1.000

Nota:

- <sup>a</sup>ABP Akruan boleh pilih
- ALIRAN TUNAI Aliran tunai daripada aktiviti operasi
- NILAI PASARAN Nisbah nilai pasaran kepada nilai buku saham diterbitkan
- SAIZ 'Natural logarithm' jumlah aset bagi firma *i* dalam tahun *t*
- KEUMPILAN Nisbah hutang per jumlah aset bagi firma *i* dalam tahun *t*
- PULANGAN ASET Perbezaan untung tahun *t* dan tahun *t-1* dibahagi jumlah aset
- KEBEBASAN Kebebasan lembaga pengarah
- KEMAHIRAN Kemahiran perakaunan, kewangan jawatankuasa audit
- PENGURUSAN Pemilikan pengurusan
- NOMINI Pemilikan nomini
- AUDIT Firma 'Big 5' dimilikan1, firma bukan 'Big 5' dimilikan 0



**Jadual 4**  
Analisis Regresi

	Tanpa Audit			Berserta Audit		
	Koefisien	t-statistik	p	Koefisien	t-statistik	p
Konstan	-0.011	-0.316	0.752	-0.013	-0.362	0.717
Pemboleh ubah kawalan						
ALIRAN TUNAI (-)	-0.522	-17.306	0.000	-0.524	-17.315	0.000
NILAI PASARAN (+)	0.017	10.007	0.000	0.017	9.997	0.000
SAIZ(-)	-0.002	-0.574	0.566	-0.002	-0.516	0.606
KEUMPILAN(+)	0.040	1.110	0.267	0.040	1.089	0.276
PULANGAN ASET(+)	0.318	10.684	0.000	0.319	10.691	0.000
PENGGUNA(?)	0.024	2.494	0.013	0.024	2.473	0.014
B/USAHA(?)	0.027	2.780	0.006	0.027	2.769	0.006
HARTANAH(?)	0.016	1.489	0.151	0.015	1.478	0.140
NOMINI(?)	-0.023	-2.154	0.031	-0.023	-2.149	0.032
<b>Pemboleh ubah ujian</b>						
KEBEBASAN	-0.056	-2.713	0.007	-0.056	-2.719	0.007
KEMAHIRAN	-0.017	-2.145	0.032	-0.016	-2.074	0.038
PENGURUSAN	0.013	0.924	0.356	0.013	0.954	0.340
AUDIT	-0.011	-2.261	0.024	-0.011	-2.267	0.024
KEBEBASAN*AUDIT	0.008	0.188	0.851			
KEMAHIRAN*AUDIT				0.010	0.600	0.549
PENGURUSAN*AUDIT				-0.023	-0.769	0.442
Saiz Sampel	1.087				1.087	
F-Statistik	36.319				29.527	
<b>Kebarangkalian&gt;F</b>	0.000				0.000	
R <sub>u</sub> Terlaras	0.297				0.296	

### *Hubungan Pengetahuan Perakaunan dan Kewangan Jawatankuasa Audit dengan Akruan Boleh Pilih*

Hasil analisis dalam Jadual 4 menunjukkan hubungan negatif (koefisien = -0.016) yang signifikan ( $p=0.038$ ) antara pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini menyokong hipotesis  $H_2$ . Kehadiran akauntan bertaualiah sebagai anggota jawatankuasa audit membantu jawatankuasa itu untuk memahami kejadian pengurusan perolehan dengan lebih baik. Kepakaran ini dapat meningkatkan fungsi pengawalan jawatankuasa audit dalam usaha membendung kejadian tersebut. Penemuan ini selaras dengan hasil kajian Xie *et al.* (2003) yang mendapati jawatankuasa audit yang di antara ahlinya mempunyai pengetahuan kewangan dan pengalaman sektor korporat berjaya mengurangkan amalan akruan boleh pilih.

### *Hubungan Pemilikan Ekuiti Pengurusan dengan Akruan Boleh Pilih*

Hasil analisis regresi seperti dalam Jadual 4 menunjukkan pemilikan pengurusan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini tidak menyokong hipotesis  $H_3$  yang menjangkakan hubungan negatif antara pemilikan pengurusan dengan akruan boleh pilih. Hubungan yang tidak signifikan yang dihasilkan ini adalah kerana pegangan ekuiti di kalangan pengurusan dalam kajian ini adalah pada tahap peratusan yang rendah berbanding kajian terdahulu. Warfield *et al.* (1995) melaporkan lebih daripada 68% jumlah sampel yang dikaji mempunyai pegangan ekuiti melebihi 10%, manakala 25% lagi mempunyai pegangan ekuiti pada tahap 25% ke atas. Namun, hasil kajian ini juga berbeza daripada Norman *et al.* (2005) yang mendapati pemilikan pengurusan mengurangkan akruan boleh pilih di Malaysia. Kajian tersebut (Norman *et al.* 2005) menggunakan 561 buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia pada tahun 2001 dan menggunakan pemboleh ubah kawalan yang kurang bilangan. Penemuan kajian yang tidak konsisten ini mungkin disebabkan perbezaan data dan bilangan pemboleh ubah kawalan yang dianalisis atau disebabkan pemboleh ubah penting lain, seperti pegangan saham pelabur institusi dan kerajaan, yang tidak diambilkira dalam kajian ini. Penemuan yang tidak konsisten ini memerlukan kajian selanjutnya.

### *Kesan Kualiti Audit terhadap Hubungan antara Kebebasan Lembaga Pengarah dengan Akruan Boleh Pilih*

Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai koefisien kesan interaksi kebebasan lembaga pengarah dan kualiti audit (KEBEBASAN\*AUDIT)

terhadap akruan boleh pilih adalah positif (0.008) tetapi tidak signifikan. Penemuan ini menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan antara pengurusan perolehan syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big 5* dengan pengurusan perolehan syarikat yang diaudit oleh bukan *Big 5*. Hasil analisis ini tidak menyokong hipotesis kajian yang menjangkakan hubungan negatif yang signifikan antara akruan boleh pilih dan kebebasan lembaga pengarah apabila diaudit oleh firma bukan *Big 5*. Namun, hasil analisis yang tidak signifikan ini menggambarkan mekanisme kawalan dalaman dalam bentuk lembaga pengarah yang bebas adalah baik dan kukuh bagi mengurangkan tahap akruan boleh pilih sama ada dalam syarikat yang diaudit oleh firma *Big 5* atau pun tidak. Kewujudan mekanisme kawalan luaran berbentuk audit berkualiti tidak banyak membawa kesan yang signifikan terhadap keadaan pengurusan yang sudah kukuh di bawah pengendalian lembaga pengarah yang bebas. Penemuan ini juga menjelaskan kehadiran pengarah bebas bukan eksekutif membantu lembaga pengarah memainkan peranan dengan berkesan bagi mengurangkan amalan pengurusan perolehan.

*Kesan Kualiti Audit terhadap Hubungan Kemahiran Perakaunan dan Kewangan Jawatankuasa Audit dengan Akruan Boleh Pilih*

Hasil analisis mendapati interaksi antara kemahiran perakaunan jawatankuasa audit dan kualiti audit (KEMAHIRAN\*AUDIT) menghasilkan hubungan yang positif (0.010) dengan akruan boleh pilih tetapi tidak signifikan. Penemuan ini menunjukkan kualiti audit tidak mengubah hubungan negatif dan signifikan yang sedia ada antara pengetahuan perakaunan dan kewangan dengan akruan boleh pilih. Hasil kajian ini tidak menyokong hipotesis yang menjangkakan hubungan negatif di antara pengetahuan perakaunan dan akruan boleh pilih yang menjadi lebih kukuh apabila diaudit oleh firma bukan *Big 5* berbanding dengan pengauditan firma *Big 5*.

Hasil analisis menjelaskan bahawa peranan kualiti audit sebagai pemboleh ubah penyederhana tidak membawa banyak perubahan terhadap hubungan antara pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini menunjukkan peranan pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit adalah sangat penting bagi menghindari pengurusan perolehan melalui akruan boleh pilih. Peranan kualiti audit berhubung dengan pengurusan perolehan menjadi tidak signifikan sekiranya mekanisme dalaman tadbir urus korporat sudah kukuh. Hasil kajian menjelaskan keanggotaan akauntan bertauliah dalam jawatankuasa audit membolehkan jawatankuasa tersebut menyelia proses pelaporan penyata kewangan

dengan lebih cekap dan berkesan. Ini bermakna, akauntan bertauliah dapat memastikan sistem kawalan dalaman syarikat berada pada tahap yang lebih baik dan teratur. Oleh itu, tahap amalan akruan boleh pilih dapat dikurangkan dengan kehadiran akauntan bertauliah dalam jawatankuasa audit.

#### *Kesan Kualiti Audit terhadap Hubungan Pemilikan Ekuiti Pengurusan dengan Akruan Boleh Pilih*

Hasil kajian mendapati nilai koefisien interaksi di antara pemilikan ekuiti oleh pengurusan dan kualiti audit (PENGURUSAN\*AUDIT) menunjukkan hubungan yang negatif (-0.023) dengan akruan boleh pilih tetapi tidak signifikan. Keputusan ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi pengurusan perolehan sama ada syarikat diaudit oleh firma *Big 5* atau bukan *Big 5*. Penemuan ini tidak selaras dengan kajian oleh Gul *et al.* (2001) yang mendapati hubungan negatif yang lebih kukuh bagi syarikat yang diaudit oleh firma bukan *Big 5* berbanding hubungan tersebut apabila syarikat diaudit oleh firma *Big 5*.

#### *Pemboleh Ubah Kawalan*

Hubungan pemboleh ubah kawalan aliran tunai dengan akruan boleh pilih didapati negatif (-0.524) dan signifikan ( $p=0.000$ ). Penemuan ini menjelaskan apabila aliran tunai rendah, pengurus cenderung mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan. Hasil analisis ini selaras dengan kajian Dechow *et al.* (1995), Becker *et al.* (1998), Yoon dan Miller (2002) yang mendapati hubungan negatif antara aliran tunai dan akruan boleh pilih. Hasil analisis menunjukkan hubungan positif (0.017) dan signifikan ( $p=0.000$ ) antara nilai pasaran dan akruan boleh pilih. Keputusan ini menunjukkan semakin tinggi nilai saham semakin cenderung akruan boleh pilih dilakukan dalam syarikat tersebut. Penemuan ini selari dengan kajian terdahulu (Bartov *et al.* 2001; Gul *et al.* 2001; Klein 2002; Xie *et al.* 2003) yang mendapati nilai pasaran mempengaruhi akruan boleh pilih dengan kesan positif.

Hasil analisis juga menunjukkan hubungan positif (0.319) dan signifikan ( $p=0.000$ ) di antara akruan boleh pilih dan pulangan aset. Keputusan ini menjelaskan bahawa pulangan aset yang tinggi mendorong pengurus meningkatkan akruan boleh pilih. Saiz yang berasaskan 'natural logarithm' jumlah aset didapati mempunyai hubungan negatif dengan akruan boleh pilih tetapi tidak signifikan. Selain itu keumpulan iaitu hutang jangka panjang dibahagi jumlah aset tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan akruan boleh

pilih. Hasil analisis mendapati nilai koefisien industri pengguna 0.024 dan barang usaha 0.027 yang masing-masing mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan akruan boleh pilih. Ini menunjukkan pengurusan perolehan lebih banyak berlaku dalam kedua-dua industri tersebut berbanding industri lain.

Hasil ujian juga mendapati hubungan di antara pemilikan nomini dan akruan boleh pilih adalah signifikan ( $p=0.032$ ) dengan nilai koefisien negatif (-0.023). Penemuan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pemilikan nomini semakin kurang tahap akruan boleh pilih. Namun demikian, penemuan ini tidak selaras dengan kajian oleh Takiah dan Aini (2003) yang mendapati hubungan di antara pemilikan nomini dan akruan boleh pilih adalah positif dan signifikan. Penemuan yang tidak konsisten ini mungkin disebabkan oleh perubahan peraturan kerajaan tentang penguatkuasaan kod tadbir urus korporat ke atas syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Pemilikan nomini ini terdiri daripada pelabur institusi yang merupakan pelabur yang lebih canggih, dengan itu ianya dijangka lebih mampu mamantau amalan pengurusan perolehan dengan lebih berkesan. Hasil analisis mendapati 54% daripada sampel kajian mempunyai pemilikan nomini pada tahap melebihi 25%. Tahap pemilikan nomini yang tinggi ini didorong oleh peningkatan pelaburan firma sekuriti dalam syarikat rangkaian dan pelaburan amanah saham.

## RINGKASAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati kebebasan lembaga pengarah merupakan salah satu faktor utama untuk membendung pengurusan perolehan. Kesimpulan ini diambil berdasarkan hasil analisis bahawa syarikat yang mempunyai peratusan pengarah bebas bukan eksekutif yang lebih tinggi dalam lembaga pengarah cenderung mempunyai tahap akruan boleh pilih yang rendah. Pengarah bebas bukan eksekutif yang menganggotai lembaga pengarah mampu menjalankan tugas dengan lebih bertanggungjawab bagi menjaga kepentingan pemegang saham syarikat. Lembaga pengarah itu juga memastikan maklumat penyata kewangan yang dilaporkan kepada pemegang saham adalah benar dan lebih telus. Ciri lembaga pengarah seperti ini penting kerana pengarah luar dipilih oleh pemegang saham untuk menjaga kepentingan mereka. Harapan pemegang saham syarikat mendorong pengarah luar menjaga kredibiliti dan reputasi apabila menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Penemuan ini selaras dengan hasil kajian lepas yang mendapati pengarah luar yang bebas dapat membataskan amalan pengurusan perolehan (Klein 2002; Xie *et al.* 2003).

Pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit merupakan satu lagi faktor penting yang dapat mengurangkan manipulasi perolehan. Penemuan ini menunjukkan keanggotaan sekurang-kurangnya seorang akauntan bertauliah dalam jawatankuasa audit dapat dikaitkan dengan akruan boleh pilih menjadi lebih rendah. Penemuan ini menggambarkan bahawa jawatankuasa audit memerlukan ahli yang mempunyai kemahiran serta pengetahuan dalam bidang perakaunan dan kewangan. Pengetahuan dalam bidang tersebut membolehkan jawatankuasa audit menjalankan tanggungjawabnya sebagai penyelia proses pelaporan penyata kewangan dengan lebih berkesan. Ini kerana kemahiran dalam bidang perakaunan membolehkan mereka memahami dengan lebih baik konsep pengurusan perolehan dan mengetahui cara mengatasi dan mengurangkan manipulasi perolehan tersebut. Hasil kajian ini menyokong penemuan Xie *et al.* (2003) yang mendapati pengarah yang mempunyai kemahiran dalam bidang kewangan khususnya pelaburan dapat mengurangkan tahap akruan boleh pilih.

Objektif ketiga ialah untuk menguji hubungan di antara pemilikan pengurusan dengan pengurusan perolehan. Hasil ujian mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara pemilikan ekuiti pengurusan dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini berkemungkinan disebabkan pegangan ekuiti yang rendah di kalangan pengarah. Hasil analisis ini selaras dengan kajian oleh Klein (2002) dan Koh (2003) tetapi tidak selaras dengan kajian oleh Gul *et al.* (2001) dan Warfield (1995). Sehubungan itu, analisis tambahan terhadap hubungan antara pemilikan nomini dengan akruan boleh pilih menunjukkan semakin tinggi pemilikan nomini, semakin kurang tahap akruan boleh pilih. Penemuan ini menjelaskan pemilikan nomini yang tinggi dapat mengawal tingkah laku pengurus agar bertindak selaras dengan matlamat pemilik. Bagi tempoh jangka panjang, pemilik nomini dijangka dapat memainkan peranan sebagai mekanisme kawalan kos agensi. Namun, perkara ini memerlukan kajian lanjut.

Ujian hubungan di antara kualiti audit dengan akruan boleh pilih menunjukkan hubungan negatif yang signifikan. Ini menjelaskan semakin tinggi kualiti audit, semakin rendah tahap akruan boleh pilih. Penemuan ini menyokong hujah bahawa firma yang berkualiti tinggi lebih mampu membataskan kejadian pengurusan perolehan. Dalam kajian ini, firma *Big 5* yang merupakan proksi kualiti audit mempunyai peranan mekanisme kawalan yang lebih berkesan bagi mengurangkan akruan boleh pilih berbanding firma bukan *Big 5*. Firma *Big 5* sentiasa menjaga kualiti pengauditan dan reputasi firma bagi mengelakkan tindakan perundangan yang mungkin berlaku disebabkan kecuaihan.

Penemuan ini juga selaras dengan kajian Becker *et al.* (1998), Francis *et al.* (1999) dan Krishnan (2003) yang mendapati firma audit *Big 5* berhubung dengan bilangan kejadian akruan boleh pilih yang lebih kecil berbanding firma audit bukan *Big 5*.

Selanjutnya, ujian terhadap kualiti audit sebagai pemboleh ubah penyederhana mendapati hasil yang tidak signifikan. Hasil analisis mendapati interaksi antara kebebasan lembaga pengarah, pengetahuan perakaunan dan kewangan jawatankuasa audit dan pemilikan ekuiti oleh pengurusan masing-masing dengan kualiti audit menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini memperkukuhkan hasil analisis terhadap kebebasan lembaga pengarah dan pengetahuan perakaunan yang mana masing-masing mempunyai hubungan signifikan dengan akruan boleh pilih. Penemuan ini membuktikan bahawa lembaga pengarah yang bebas dan jawatankuasa audit yang berpengetahuan perakaunan dan kewangan merupakan mekanisme dalaman utama bagi membatasi pengurusan perolehan. Walau bagaimanapun, mekanisme urus tadbir korporat ini tidak dapat menggantikan keperluan terhadap audit luaran yang berkualiti sebagai mekanisme luaran untuk membendung amalan pengurusan perolehan. Penemuan ini sekali gus menyangkal pandangan bahawa apabila wujud mekanisme kawalan kos agensi yang lain seperti kualiti audit, keperluan terhadap lembaga pengarah yang bebas dan jawatankuasa audit berpengetahuan menjadi lemah bagi membendung manipulasi perolehan oleh pengurus.

Kajian ini berjaya membuktikan pentingnya unsur kebebasan di kalangan lembaga pengarah bagi memperkukuhkan pengurusan syarikat khususnya pengawalan amalan pengurusan perolehan. Penemuan ini selaras dengan cadangan dalam kajian lepas bahawa pengarah luar yang bebas dapat berfungsi dengan lebih baik bagi menyekat amalan pengurusan perolehan. Penemuan ini selaras dengan pendapat Watts dan Zimmerman (1986) yang menjelaskan bahawa kualiti audit merupakan mekanisme kawalan kos agensi. Namun, penemuan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan terhadap industri yang tidak tertakluk kepada peraturan yang ketat.

Komposisi majoriti pengarah bebas lebih mampu mengurangkan tahap akruan berbanding satu pertiga pengarah bebas dalam lembaga pengarah. Selain itu, kemahiran pengetahuan perakaunan dan kewangan di kalangan ahli jawatankuasa audit juga dibuktikan dapat mengurangkan amalan pengurusan perolehan. Hasil analisis ini menjelaskan bahawa kemahiran pengetahuan perakaunan adalah penting bagi memastikan jawatankuasa audit melaksanakan tanggungjawab dan fungsinya dengan lebih berkesan.

Hasil kajian juga mendapati pengauditan yang lebih berkualiti, iaitu audit oleh firma *Big 5*, dapat mengurangkan amalan pengurusan perolehan. Walau bagaimanapun, unsur merupakan kawalan utama terhadap amalan pengurusan perolehan sehinggakan keperluan terhadap kualiti audit tidak perlu bagi tujuan pengawalan amalan pengurusan perolehan. Begitu juga kemahiran dan pengetahuan perakaunan jawatankuasa audit yang menjadi pengawal utama membendung pengurusan perolehan. Kekukuhan keupayaan jawatankuasa audit menyebabkan peranan kualiti audit mengawal amalan tersebut menjadi tidak signifikan. Ini menjelaskan kebebasan lembaga pengarah dan kemahiran perakaunan jawatankuasa audit merupakan mekanisme kawalan kos agensi yang baik dan dapat mengurangkan tahap kejadian akruan boleh pilih. Di samping kedua-dua unsur pemantauan di atas, pemilikan nomini iaitu pelaburan kekal oleh firma sekuriti dan amanah saham juga didapati menjadi mekanisme kawalan penting bagi mengawal kejadian akruan boleh pilih.

#### NOTA AKHIR

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada peserta seminar Pusat Pengajian Perakaunan, UKM 2004 dan The 7th Malaysian Finance Association Conference 2005 di Kuala Terengganu yang telah memberikan komen yang membina. Kajian telah mendapat pembiayaan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui skim 'Intensification of Research in Priority Areas'.

1. Akruan boleh pilih adalah akruan tidak normal yang didapati daripada model regresi. Bahagian metodologi kajian akan menerangkan cara untuk mendapatkan akruan boleh pilih.

#### RUJUKAN

- Bartov, E., Gul, F. & Tsui, J. (2001). Discretionary accruals models and audit qualifications. *Journal of Accounting and Economics* 30: 421-452.
- Beasley, M. S., (1996). An empirical analysis of the relation between the board of director composition and financial statement fraud. *The Accounting Review* 71, 443-465.
- Becker, L. C., Defond, M. L., Jiambalvo, J. & Subramanyam, K. R. (1998). The Effect of audit quality on earning management. *Contemporary Accounting Research* Spring: 1-24.



- Burgstahler, D. & Dichev, I. (1997). Earnings Management to Avoid Earnings Decreases And Losses. *Journal of Accounting and Economics* 24(1) : 99-126.
- Chung, R., Firth, M., & Kim, J. B., (2002). Institutional Monitoring and Opportunistic Earnings Management. *Journal of Corporate Finance* 8: 29-48.
- Cooper, D. R. & Schindler, P. S. (2001). *Business Research Methods*.(7th ed.) Singapura: McGraw Hill International Editions.
- Davidson, R. A., & Nue, D. (1993). A note on the association between audit firm size and audit quality. *Contemporary Accounting Research*, 9 (Spring): 479-488.
- DeAngelo, L. E. (1981). Auditor size and audit quality. *Journal of Accounting and Economics* 3 : 183-199.
- Dechow, P. M., Sloan, R. D., & Sweeney, A. (1995). Detecting earning management. *Accounting Review* 70 (2) : 193-225.
- DeFond, M. L., & Jiambalvo, J., (1994). Debt covenant violation and manipulation of accruals. *Journal of Accounting and Economics* 17: 145-176.
- DeFond, M., & Subramanyam, K. R. (1998). 'Auditor changes and discretionary accruals'. *Journal of Accounting and Economics*, 25: 35-67.
- Dhaliwal, D. S., Salamon, G. L. & Smith, E. D (1982). The effect of owner versus management control on the choice of accounting methods. *Journal of Accounting and Economic* 4(1), 41-53.
- Fama, E. F., & Jensen, M. C., (1983). Separation of ownership and control. *Journal of Law and Economics* 26: 301-325.
- Francis, J. R., Maydew, E. L., & Sparks, H. C. (1999). The role of big 6 auditors in the credible reporting of accruals. *A Journal of Practice and Theory* 18 : 17-34.
- Hirst, E. D. (1994). Auditor sensitivity to earnings management. *Contemporary Accounting Research* 11: 405-422.
- Jensen M. C., & Meckling, W. H. (1976). Theory of firm: managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics* 3: 305-306.
- Johl, S., Houghton, A. K., & Jubb, A. C. (2003). *Audit Quality: Earnings Management in The Context of The 1997 Asian Crisis*. Working Paper. Multimedia University.
- Jones, J. (1991). Earnings management during import relief investigation. *Journal of Accounting Research*, 29: 193-228.
- Kalbers, L. P. & Forgarty, T. J. (1993). Audit committee effectiveness: An empirical investigation of the contribution of power. *Auditing: Journal of Practice and Theory* . 12.(1). Spring: 24-40.
- Klein, A. (2002). Audit committee, board of director characteristics, and earnings management. *Journal of Accounting & Economics* 33: 375-400.

- Koh, S. P. (2003). The association between institutional ownership and aggressive corporate earnings management in Australia. *The British Accounting Review* 35: 105-128.
- Krishnan, V. G. (2003). Audit quality and the pricing of discretionary accruals. *Auditing: A Journal of Practice and Theory* 22 (1): 109-126.
- Norman, M., Takiah, M., & Mohd Mohid, R. (2005). Earnings management and board characteristics: Evidence From Malaysia. *Jurnal Pengurusan* (Forthcoming).
- Park, W. Y., & Shin, H. H. (2003). Board Composition and Earning Management in Canada. *Journal of Corporate Finance* 185: 1-27.
- Schipper, K. (1989). Commentary: earnings management. *Accounting Horizons*, 3: 91-102.
- Shamser, M., & M. S. Zulkarnain. (2001). Role of audit committees in a disclosure based corporate environment. *Akauntan Nasional*, 16-18.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2000). Jawatankuasa Kewangan Tadbir Urus Korporat.
- Takiah, M. I., Ruhanita, M. & Aini, A. (2000). Audit Market Concentration and Auditors' Industry Specialisation. Empirical Evidence in Malaysia. *Utara Management Review*. 1(1): 93-112.
- Takiah, M. I. & Aini, A. (2002). The Effectiveness of Audit Committee in Monitoring The Quality of Corporate Reporting. Working Paper. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teoh, S. H., Wong, T. J. & Rao, G. (1998). Are accruals during initial public offerings opportunistic?. *Review of Accounting Studies*, 3: 175-208.
- Wan Fazilah W. Y. (2001). Earnings Management Behaviour and Perceived Earnings Quality. *Akauntan Nasional* 4 : 419-442.
- Warfield, T. D., Wild, J. J. & Wild, K. L. (1995). Managerial Ownership, Accounting Choices, and Informativeness of Earnings. *Journal of Accounting & Economics* 20: 61-91.
- Watts, R. L., & Zimmerman, J. L. (1986). *Positive Accounting Theory*. Prentice Hall: Englewood Cliffs. NJ.
- Xie, B., Davidson, N. W., & Dadalt, J. P. (2003). Earnings Management and Corporate Governance: The Role of The Board and The Audit Committee. *Journal of Corporate Finance* 9: 295- 336.
- Yoon, S. S., & Miller, G. A. (2002). Cash From Operations and Earnings Management in Korea. *Journal of Accounting* 37: 395-412.